

**PROFIL PERCERAIAN PASANGAN ISLAM DI KELANTAN BAGI
TAHUN 2000 HINGGA 2004**



**Institut Penyelidikan & Pengkomersilan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam**

Disediakan Oleh

**Prof Madya Hj Zulkarnain Yusoff
Tn Hj Wan Fauzi Wan Mamat
Hj Mohd Noor Awang Kechik**

JULAI 2006

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadrat Allah s.w.t ke atas rahmat yang diberikan kerana memberikan kami kesempatan masa menyiapkan penyelidikan ini. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli kumpulan kerana telah memberi semangat dan komitmen untuk menyiapkan penyelidikan ini. Kami juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kawan-kawan yang secara langsung atau tidak langsung memberikan buah fikiran dan bantuan. Tidak lupa juga terima kasih kepada pembantu penyelidik yang membantu kami dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

Dato' Profesor Dr.Hussin @ Mohamad Ab.Rahman

(Pengarah Kampus UiTMKK)

Prof.Madya Dr.Jusoh Yacob

(Koordinator URDC UiTMKK)

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Perkara	i
Muka Surat Tajuk	ii
Surat penyerahan laporan	iii
Daftar ahli penyelidik	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Daftar ilustrasi	viii
Abstrak	x

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Objektif	6
1.4	Skop Projek	7

BAHAGIAN 2: KAJIAN LITERATUR	8
-------------------------------------	----------

BAHAGIAN 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN	13
--	-----------

BAHAGIAN 4: ANALISA KAJIAN

4.1	Jumlah Sampel	16
4.2	Statistik Kes Penceraihan Mengikut Jajahan	18
4.3	Faktor yang Menyebabkan Berlakunya	21
4.4	Pekerjaan Pasangan yang Bercerai	23
4.5	Lingkungan Umur Pasangan yang Bercerai	25

Abstrak

Perceraian adalah masalah rumah tangga yang semakin menjadi-jadi pada masa kini. Statistik perceraian menunjukkan peningkatan berdasarkan kes yang didaftarkan di Jabatan Kehakiman di seluruh negeri. Masalah ini perlu ditangani segera untuk mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti pengabaian anak-anak, penderaan kanak-kanak, masalah sosial di kalangan remaja dan sebagainya.

Menurut kajian yang dilakukan di Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan, sebanyak 7569 kes perceraian yang dilaporkan dari tahun 2000 hingga 2004 bagi 10 jajahan di Kelantan. Sebanyak 55 sampel yang diambil merangkumi cerai biasa sebanyak 36.36%, cerai taklik iaitu sebanyak 36.36%, manakala cerai fasakh iaitu sebanyak 18.18% dan percerceraian luar mahkamah iaitu 9.09%.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada masalah ini dan objektif utama kajian ini ialah untuk mengkaji ciri-ciri pasangan yang berceraian. Ciri-ciri pasangan yang dikenalpasti ialah status pekerjaan, lingkungan umur, pendapatan, tempoh perkahwinan, bilangan anak dan bilangan talak.

Dengan merujuk kepada data-data dari Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan dari tahun 2000 hingga 2004 sebanyak 7569 kes dan kesemuanya telah dikaji dan di analisa. Data diinterpretasikan dalam bentuk taburan frekuensi dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Keputusan menunjukkan kebanyakan pasangan bercerai disebabkan oleh tiada persefahaman dan majoritinya dapat mempertahankan rumah tangga hanya selama 6 tahun hingga 10 tahun. Manakala kebanyakan daripada pasangan adalah dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 30 tahun. Daripada kes yang dikaji, kebanyakan suami bekerja dari sector swasta dan isteri adalah dari kalangan yang tidak bekerja atau sebagai suri rumah tangga. Bagi status pendapatan pula, kebanyakan pasangan yang bercerai adalah di kalangan suami dan isteri yang tidak mempunyai punca pendapatan serta mempunyai anak seramai 1 hingga 3 orang. Dari segi bilangan kes pula, kes menurun dari tahun 2000 hingga 2002. Tetapi meningkat mendadak pada tahun 2003 dan menurun kembali pada tahun selepas itu. Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah pula mencatatkan tempat teratas kes ini dilaporkan.

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perceraian merupakan salah satu masalah sejagat yang sering diperkatakan. Menurut Kamus Dewan Edisi Pertama Cetakan Kedua, perceraian bermaksud sudah putus hubungan sebagai suami isteri, berpisah daripada bersatu dan menceraikan untuk hidup berasingan selama lamanya. Perceraian yang terdapat dalam Akta Ordinan Enakmen Undang undang Keluarga Islam Negeri yang sedang berkuatkuasa di negeri negeri adalah perceraian dengan lafaz talak, pengesahan lafaz talak, fasakh, cerai taklik tebus talak ('khulu'), dan anggapan mati.

Akta Ordinal Enakmen Undang undang Keluarga Islam Negeri telah memperuntukkan bahawa semua lafaz talak hendaklah dilafazkan di hadapan mahkamah dan dengan kebenaran mahkamah. Adalah menjadi kesalahan sekiranya lafaz talak tersebut dilafazkan di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah. Oleh itu, pasangan yang bercerai di luar mahkamah hendaklah kedua dua belah pihak mendaftar cerai di mahkamah dan membayar denda.